

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(V)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB. GOOI ZI SEN**

14. Selaras dengan peningkatan penggunaan peralatan perubatan (*medical equipments*) seperti topeng muka dan lain-lain peralatan, apakah perancangan pengurusan sisa pepejal terhadap bahan buangan peralatan perubatan ini yang akan memudarangkan keadaan alam sekitar sekiranya tidak dikendalikan dengan baik?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. Topeng muka, sarung tangan dan lain-lain peralatan yang digunakan oleh orang awam adalah dikategorikan sebagai sisa biasa (*general waste*) dan tidak memerlukan pelupusan yang khas. Sisa-sisa tersebut boleh dilupuskan menggunakan kaedah biasa dengan memasukkan sisa-sisa tersebut ke dalam beg plastik sebelum dilupuskan ke tapak pelupusan sampah.

Walau bagaimanapun, bagi bahan buangan peralatan perubatan yang dihasilkan oleh pihak hospital atau klinik perlu dilupuskan mengikut kaedah yang ditetapkan dalam Garis Panduan Buangan Terjadual oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Peralatan Perubatan seperti topeng muka dikategorikan sebagai *consumables* iaitu peralatan pakai buang. Di bawah pengurusan fasiliti kesihatan, ianya dikategorikan sebagai sisa klinikal. Menurut Akta Alam Sekeliling 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar, sisa klinikal adalah sisa buangan berjadual (*scheduled waste*) di bawah kod SW 404.

Di bawah kontrak konsesi antara Kementerian Kesihatan Malaysia, pengurusan sisa klinikal bagi fasiliti kesihatan adalah di bawah tanggungjawab pihak syarikat konsesi Edgenta Mediserve

Sdn. Bhd. bermula dari penjanaan, pengasingan, kutipan, penstoran, pengangkutan sehingga peringkat pelupusan. Sisa klinikal akan diangkut dalam tempoh 1-3 hari daripada pusat penjana dan dilupuskan mengikut prosedur di *incinerator*.